



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**ARAHAN KEWANGAN BIL. 07/2014**

Rujukan : Bil(37) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

10 Mac 2014

YBhg. Dato' Setiausaha Bandaraya /  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**PEMBERIAN POTONGAN 50% CUKAI TAKSIRAN BAGI ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak YBhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan telah membuat **penambahbaikan** ke atas proses **peMBERIAN potongan bayaran Cukai Taksiran** sebanyak **50%** ke atas rumah kediaman milik Pegawai/Anggota Majlis Bandaraya Ipoh yang dikenakan cukai taksiran oleh Majlis.

3. Untuk makluman, bagi penambahbaikan tersebut, proses permohonan Potongan 50% Cukai Taksiran Rumah Kediaman Milik Pegawai/Anggota Majlis/Pesara Majlis Bandaraya Ipoh telah dipinda untuk perkara-perkara berikut:

- i. Bukti pemilikan hanya perlu dikepilkan pada permohonan kali pertama dan pada setiap 5 tahun berikutnya.
- ii. Bagi tujuan perakuan hak milik harta, Borang Perakuan Hak Milik perlu ditandatangani oleh Pegawai/Anggota setiap tahun (sebelum 15 November setiap tahun) dan mengemukakan 1 salinan Slip Gaji terkini.
- iii. Potongan 50% hanya akan diproses setelah Pegawai/Anggota menandatangani Borang Perakuan Hakmilik secara tahunan.

..2/-

## PEMBERIAN POTONGAN 50% CUKAI TAKSIRAN BAGI ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH


4. Adalah diharapkan dengan penambahbaikan di atas dapat memudahkan Pegawai/Anggota untuk membuat permohonan kemudahan tersebut.
5. Peraturan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam Borang Permohonan adalah terpakai dan perlu dipatuhi. Sekiranya peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan gagal dipatuhi, Jabatan Kewangan berhak untuk menolak permohonan tersebut.
6. Arahan Kewangan ini **berkuatkuasa serta merta**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HARUN BIN RAWI)  
Datuk Bandar Ipoh 10/3/14



**“KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI”**